

<b>Headline</b>	<b>Diari niaga</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Date</b>	<b>13. Sep 2008</b>	<b>Page No</b>	<b>29</b>
<b>Media Title</b>	<b>Berita Harian</b>	<b>Article Size</b>	<b>204 cm<sup>2</sup></b>
<b>Section</b>	<b>Ekonomi</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Circulation</b>	<b>217920</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Readership</b>	<b>2083000</b>	<b>AdValue</b>	<b>3617.90</b>



## DIARI NIAGA

● The London Export Academy of UK dan The Exporters Club of Malaysia akan menganjurkan bengkel mengenai Mencipta, Mengurus dan Melaksanakan Strategi Eksport pada 13 dan 14 Oktober ini di Cititel Hotel, Mid Valley Centre, Kuala Lumpur. Bengkel dua hari itu adalah untuk mereka yang terbabit dalam mencadang, mewujudkan dan melaksanakan strategi perdagangan antarabangsa. Untuk maklumat lanjut hubungi Kabur Ibrahim di 012-233 8520, 03-7880 0413 atau e-mel ke kabur@exportersclub.org.

● Persidangan Kebangsaan Produk Perhutanan (NCFP 2008) anjuran Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara akan diadakan dari 29 hingga 31 Oktober ini di Kuala Lumpur. Berminat hubungi sekretariat

NCFP di 03-62797286 sambungan 7541 atau dengan melayari laman web www.frim.gov.my.

● Orang ramai dijemput menyertai Karnival Silaturahim dan Ekspo Perdagangan 2008 "KARSEP 08" yang dijadualkan berlangsung pada 18 hingga 20 Disember ini di Tapak Mini Stadium Pendang, Kedah. Karnival bertentuk pameran dan perdagangan itu dianjurkan bagi memupuk budaya keusahawanan dan koperasi di kalangan rakyat Malaysia melalui aktiviti-aktiviti perniagaan, pertunjukan kebudayaan, kesukanan dan keagamaan. Maklumat lanjut hubungi Herry (019 480 9091)/Zack (012 533 9996).

● Persidangan Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan Teknologi Asia Pasifik (APCMOTTE 2008) anjuran School of Professional & Continuing Education

Universiti Teknologi Malaysia (SPACE UTM) akan diadakan pada 29 dan 30 Oktober ini di Hotel Equatorial, Melaka. Berminat hubungi sekretariat 07-5218170/8159/ 1355 atau layari www.spaceutm.edu.my.

● SME Bank mempelawa usahawan Bumiputera untuk Skim Kilang Bimbingan SME Bank dalam usaha meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Usahawan yang mempunyai kemahiran dalam bidang berkenaan boleh mendapatkan maklumat lanjut di Menara SME Bank, Jalan Sultan Ismail, atau menghubungi 03-2615 2020/03-26152828.

● Perbadanan Nasional Bhd menjemput orang ramai menghadiri sesi taklimat mingguan francais yang akan diadakan setiap Khamis secara percuma di Pusat Khidmat Francois, Aras 2, Pusat

Dagangan Dunia Putra (PWTC), dari jam 10 pagi hingga 12.30 tengah hari. Berminat hubungi 1800 88 5300.

● Persatuan Francais Malaysia (MFA) akan menganjurkan Seminar Akta Francois 1998 (SAF) di Kuala Lumpur pada 19 hingga 20 November ini. Maklumat lanjut hubungi MFA di No 2, tingkat 5, Jalan Dewan Sultan Sulaiman 1, Off Jalan Tuanku Abdul Rahman, atau 03-26971557.

● Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi akan menganjurkan KL International Batik (KLIB) di Kuala Lumpur pada 30 November hingga 2 Disember ini. Usahawan berminat boleh menghubungi Urus Setia Promosi dan Pemasaran Domestik Bahagian Promosi dan Pemasaran MeCD, Aras 6, Blok Menara, No 18, Persiaran Perdana, Putrajaya atau hubungi 03-88805283/5301.